

02 OCT 2002

NEAC-KOREA/I

MTEN, ASLI ANJUR PERSIDANGAN TENTANG KEJAYAAN KOREA SELATAN

PUTRAJAYA, 2 Okt (Bernama) -- Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Institut Strategi Dan Kepimpinan Asia (ASLI) akan mengadakan persidangan sehari mengenai Korea Selatan di Sunway Pyramid pada 10 Okt.

Persidangan itu bertemakan "Belajar Dari Korea Selatan: Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Suasana Dinamik", kata pengarah eksekutif MTEN, Datuk Mustapa Mohamed, kepada sidang media di sini hari ini.

Persidangan itu akan membincangkan kejayaan Korea Selatan dalam memupuk proses perusahaan dan pembangunan ekonomi.

Mustapa berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual memberikan ucapan utama tentang "Dasar Pandang Ke Timur - Korea Selatan Sebagai Model Baru" dan mengadakan sesi dialog selepas itu.

Mustapa berkata Korea Selatan, sebagai sebuah negara, menawarkan banyak pengajaran untuk rakyat Malaysia dari perspektif ekonomi dan budaya.

"Dr Mahathir, ketika lawatan ke Korea Selatan pada Mei, maklum bahawa banyak perubahan yang telah membantu memulihkan ekonomi Korea kepada pertumbuhan sihat, dan kita harus mengambil peluang ini untuk belajar daripada mereka," katanya.

"Kita mahu kaji apakah faktor yang membolehkan Korea Selatan mengeluarkan kereta dan produk elektronik pada harga yang berdaya saing dan berkualiti tinggi," tambahnya.

Antara isu lain yang akan disentuh di persidangan itu adalah peranan Malaysia dan Korea Selatan ke arah integrasi Asia Timur serta prospek dan cabaran yang dihadapi kumpulan Asean campur tiga.

Ekonomi harimau Korea Selatan, yang sebelum ini dilanda krisis kewangan, berjaya kembali mantap dan mencatat pertumbuhan ekonomi dua terpesat di Asia Timur selepas China dengan pertumbuhan keluaran dalam negara kasar (KDNK) pada purata 7.3 peratus sejak 1999.

Korea Selatan juga merupakan ekonomi Asia Timur kedua selepas Jepun yang menjadi anggota Pertumbuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

-- BERNAMA

WNZ KTC JR